

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 3 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 30

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1131-L3751
Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah kemudahan-kemudahan yang diberi kepada peladang kecil kelapa sawit yang dalam kategori lima ratus hektar ke bawah.
2. PR-1131-L3951
Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kutipan daripada tawaran untuk nombor pendaftaran kenderaan serta tawaran nombor pendaftaran yang paling tinggi pernah tercatat.
3. PR-1131-L3965
Datuk Haji Mat Yasir Bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan setakat manakah pelatih Pusat Serenti yang telah keluar mendapat pekerjaan dan apakah insentif kepada majikan atau syarikat yang mengambil bekas penagih dadah (pelatih) untuk bekerja dengan mereka.
4. PR-1131-L2980
Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan hasil R & D oleh MARDI yang boleh dikomersialkan pada tahun 2004 dan tahun 2005. Apakah hasil-hasil R & D tersebut.
5. PR-1131-L3689
Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasionalnya penarikan balik senapang RELA daripada ahli-ahli RELA dan arahan senapang itu diserahkan kepada balai polis yang berhampiran di seluruh negeri Pahang.

6. PR-1131-L3186
Dr. Rozaidah Binti Talib [Ampang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menaikkan had umur persaraan bagi pensyarah universiti, khasnya para profesor.
7. PR-1131-L3122
Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana proses Kerajaan memberi kelulusan kepada permohonan sebagai penduduk tetap (permanent resident) kepada rakyat asing umpamanya dari Singapura yang datang bekerja dan sudah berkahwin dengan rakyat Malaysia.
8. PR-1131-L3030
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah pembuangan sisa-sisa toksik yang semakin berleluasa dan adakah Kementerian bersedia untuk menjalankan semula rancangan kempen Cintai Alam Sekitar di seluruh Malaysia khasnya di Sekolah-sekolah dengan tujuan menyemaikan sikap tersebut.
9. PR-1131-L3834
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah 10 jenis penyakit yang membawa maut dan mudah berjangkit, nyatakan bilangan kematian setiap penyakit sepanjang 5 tahun lalu dan perancangan dan strategi Kementerian untuk menyekat kematian sedemikian.
10. PR-1131-L3178
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan ramai pihak yang tidak berpuas hati tentang peruntukan Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2005, adakah benar undang-undang ini menzalimi golongan wanita dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya.
11. PR-1131-L2828
Dato' Razali Bin Ismail [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah berkesannya pelaksanaan Sistem Penjejakan Sisa Berjadual (E-Swiss) berdasarkan senario pencemaran gas ammonia dari sisa toksik yang sering berlaku.
12. PR-1131-L3433
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkasakan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) di sekolah-sekolah.

13. PR-1131-L4039
Datuk Astaman Bin Abdul Aziz [Titiwangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pengisian jawatan di dalam Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta jangka masa yang akan diambil oleh agensi tersebut untuk mendapat kekuatan sempurna dari segi bilangan anggota dan seterusnya mengambil alih tugas mereka sepenuhnya daripada jabatan-jabatan maritim yang lain.
14. PR-1131-L3404
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa penduduk Ranau dan Tuaran amat mengharapkan pembinaan laluan bagi Jalan Telipot-Kiulu-Lolos-Toboh-Rondoggung sebagai pemangkin pembangunan bagi dua daerah tersebut.
15. PR-1131-L4129
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah sekolah rendah kebangsaan dan menengah yang mengajar Bahasa Cina dan Tamil sebagai subjek semasa selepas waktu sekolah. Senaraikan nama sekolah-sekolah tersebut; dan
 - (b) berapakah bilangan jawatan guru-guru yang perlu diisi di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.
16. PR-1131-L3064
Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah strategi yang telah dirancang oleh Majlis Sukan Negara demi membangunkan lapan acara sukan iaitu bola sepak, badminton, tenpin bowling, squash, renang, hoki, gimnastik dan olahraga supaya pemain-pemain kita boleh menghadapi pertandingan dan cabaran yang sengit daripada pemain negara lain.
17. PR-1131-L3893
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kedudukan usul Majlis Belia Malaysia bagi Kementerian menyediakan peruntukan di bawah RM10,000 telah dilaksanakan memandangkan terlalu banyak persoalan di peringkat negeri dan daerah untuk yang tidak dapat mengeluarkan peruntukan untuk aktiviti dan program bagi persatuan belia.
18. PR-1131-L3681
Tuan Mohd. Daud Bin Haji Tarihep [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendekatan yang lebih berkesan dalam memperbaiki sistem penyampaian (delivery system) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan agar ianya bergerak seiring antara satu sama lain dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 supaya lebih Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

19. PR-1131-L4168
Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh Bin Tun Said [Kota Belud] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kriteria atau syarat-syarat yang diperlukan oleh seseorang guru sebelum mereka boleh memohon bertukar tempat mengajar. Bagi sesetengah negeri seperti Kelantan, mengapakah Kementerian membekukan pertukaran guru ke negeri tersebut. Apakah Kelantan terlebih guru. Dalam tempoh setahun, berapa ramaikah guru yang memohon untuk bertukar tempat mengajar dan apakah faktor yang dikenal pasti oleh Kementerian sebagai faktor pertukaran mereka.
20. PR-1131-L3495
Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar cukai jalan untuk kenderaan perdagangan kelas A antara negeri Sabah dan Sarawak. Mengapa perbezaan ini berlaku dan apakah langkah berkesan yang telah diambil untuk menyeragamkan kadar tersebut.
21. PR-1131-L2985
Dato' Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapakah tanaman alternatif menggantikan tanaman tembakau masih gagal memikat produktiviti petani dan berjaya sebagai tanaman yang mampu diusahakan secara tetap oleh petani.
22. PR-1131-L3358
Datuk Suhaili Bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa Hospital Labuan tidak diberikan mesin C.T. Scan dan peralatan ortopedik sedangkan ianya sangat di perlukan oleh hospital berkenaan.
23. PR-1131-L3152
Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Suruhanjaya Pemantau Pengurusan PBT akan ditubuhkan bagi menangani permasalahan yang sering dan masih berlaku seperti permasalahan CFO, pembuangan pekerja tanpa mengikut peraturan, penyelewengan pengeluaran lesen-lesen hiburan dan lain-lain lagi.
24. PR-1131-L3011
Tuan Markiman Bin Kobiran [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan, pembaikan, semakan dan kajian semula mengenai penguatkuasaan dan pemakaian Akta Orang Papa (Destitute Person Act 1977) bagi memenuhi kehendak dan kesedaran semasa.

25. PR-1131-L3941
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian akan meneruskan pengeluaran AP; dan
 - (b) jika ada, jumlah AP yang akan dikeluarkan pada tahun 2006 dan apakah kelayakan yang diperlukan untuk mendapatkan AP.
26. PR-1131-L4156
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan bilangan kematian yang meningkat berikutan kejadian kemalangan maut di negara ini khususnya pada musim-musim perayaan.
27. PR-1131-L3372
Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah keluaran ternakan seperti khinzir, lembu, kambing dan ayam pada tahun 2004 dan 2005 mengikut negeri dan berapakah jumlah hasil keluaran bagi setiap jenis ternakan pada tempoh itu; dan
 - (b) berapakah jumlah ternakan seperti khinzir, lembu, kambing dan ayam dari luar negara ke negara kita pada tahun 2004 dan 2005 dan berapakah jumlah kos ternakan pada tempoh itu dan berapakah keluasan tanah yang melibatkan setiap penternakan tersebut sehingga kini mengikut negeri.
28. PR-1131-L2859
Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan kos perbelanjaan yang tinggi untuk pendidikan di luar negara, adakah Kementerian mempunyai badan khas untuk memantau perkembangan, karier dan sumbangan graduan-graduan dari luar negara sekembalinya mereka ke Malaysia.
29. PR-1131-L3675
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sistem yang digunakan oleh Kerajaan di dalam proses pengambilan tenaga kerja asing "professional" terutama di sektor perubatan kerana sering mengambil masa yang begitu lama untuk mendapatkan kelulusan daripada JPA.
30. PR-1131-L3938
Tuan Jelaing Anak Mersat [Saratok] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan kepada bekalan elektrik dan air di luar bandar di kawasan Saratok pada tahun 2006.

31. PR-1131-L3247
Datuk Abdul Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan kerugian ketara dan tidak ketara berikutan penyiaran negatif insiden bogel 'warga China' yang akhirnya terbukti rakyat Malaysia berketurunan Melayu. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian meningkatkan 'pembinaan keyakinan' untuk pelancong China datang semula beramai-ramai ke Malaysia.
32. PR-1131-L3503
Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan membaik pulih Jalan Menggatal-Berungis dan jumlah perbelanjaan sebenar serta adakah pelaksanaan itu diteruskan ke Inanam.
33. PR-1131-L2926
Tan Sri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sama ada ketibaan pelancong dari negara China meningkat atau berkurangan pada tahun 2004 dan 2005 dan sebab-sebabnya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 7/2006) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [2 Mei 2006]**

Dan

Usul dibuat oleh Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan:-

“ Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua billion sembilan ratus enam juta tujuh ratus dua puluh dua ribu dua ratus tiga puluh ringgit (RM2,906,722,230) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut. “

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [2 Mei 2006]

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 5/2006) | Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 4/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 | “ |
| 4. | (D.R. 8/2006) | Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 3/2006) | Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 | “ |
| 6. | (D.R. 26/2005) | Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2005 | “ |
| 7. | (D.R. 28/2005) | Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005 | “ |
| 8. | (D.R. 6/2006) | Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 | “ |

9. (D.R. 2/2006) Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006 “
10. (D.R. 1/2006) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan) 2006 “
11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-
- “ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-
- ‘Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam’ ”
12. **PR-1131-2850**
Datuk Haji Mohd Said bin Haji Yusof [Jasin] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Kerajaan mengkaji semua dasar pengambilan pekerja asing di dalam negara ini kerana sekarang tidak ada garis panduan yang jelas pengambilan pekerja asing mengikut keperluan sebenar dan menjejaskan peluang pekerjaan rakyat tempatan. Tempat-tempat strategik seperti Pelabuhan-pelabuhan, Lapangan Terbang adalah kawasan keselamatan negara yang tinggi. Kerajaan diminta memastikan hanya rakyat tempatan sahaja diambil bekerja di sana dan untuk menjaga keselamatan negara di masa hadapan apatah lagi di kawasan tersebut diwartakan sebagai kawasan terkawal kastam (Bounded area) di mana banyak kes-kes penyeludupan berlaku dan berkemungkinan pada masa akan datang penyeludupan senjata dan penganas antarabangsa boleh berlaku. Di akhir-akhir ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah meluluskan permohonan preemptive pengambilan berpuluh ribu pekerja kepada syarikat-syarikat bukan majikan, Persatuan-persatuan Pengusaha Restoran, Gerai, Kedai, IKS, Pemborong, Usahawan, Badan Korporat juga bukan majikan tanpa berpandu keperluan sebenar. KHEDN memberi sepenuh kebebasan kepada siapa sahaja dari dalam dan luar negara menguruskan pengambilan pekerja di semua sektor pekerjaan malah ada syarikat-syarikat 'Out Sourcing' ini dipengerusikan oleh orang kenamaan bekas penjawat tinggi di Imigresen dan Kementerian Sumber Manusia tetapi keseluruhan organisasinya diterajui oleh orang asing atau pemegang penduduk tetap. Kita dapati pekerja asing yang datang ke negara ini sewenang-wenangnya berniaga di pasar-pasar malam dan ada yang menjadi tauke pusat mencuci kereta dengan menggajikan anak tempatan. Oleh demikian Dewan ini menggesa Kerajaan menggubal satu dasar jangka panjang yang komprehensif bagi mengambil kira kepentingan masa depan negara agar peluang-peluang pekerjaan yang diambil oleh buruh asing ini dinikmati oleh anak tempatan”.

13. **PR-1131-U3244**
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- “Bahawa Dewan ini membincangkan keadaan jejambat dan jambatan di seluruh negara khasnya Jejambat Kepong (MRR2). Dewan ini hendak membahaskan sistem tender, amalan reka bentuk dan pembinaan, pemantauan, perjanjian serta cara-cara mengatasi permasalahan projek-projek jejambat dan jambatan.”
14. **PR-1131-U3246**
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- “Bahawa Dewan ini memperdebatkan aspek-aspek yang penting termasuk peruntukan bagi menjayakan cadangan-cadangan Suruhanjaya Diraja Polis mengikut jadual yang ditetapkan. Bahawa Dewan juga mahu membahaskan prestasi polis khusus dalam membanteras dan menyelesaikan kes-kesnya termasuk pembunuhan.”
15. **PR-1131-U3410**
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-
- “Bahawa Dewan ini hendaklah membincang satu pengakuan oleh seorang bekas Ketua Daerah Sandakan iaitu Encik Hassnar Ibrahim yang membuat pengakuan bersumpah di Mahkamah semasa perbicaraan petisyen Pilihan Raya Datuk Yong Teck Lee, di mana dia telah mengaku terlibat dalam satu projek khas membuat kad-kad pengenalan kepada para pendatang asing di Sabah yang melibatkan pemimpin-pemimpin Kerajaan ketika itu, termasuklah seorang bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri. Dewan ini hendaklah memandang berat pengakuan tersebut terutama sekali selepas pendedahan seorang Pesuruhjaya SUHAKAM baru-baru ini bahawa Sabah telah mengalami pertumbuhan penduduk yang luar biasa dalam masa tiga dekad yang lalu. Pengakuan oleh Encik Hassnar Ibrahim ini, telah menjejaskan kredibiliti dan integriti Kerajaan terutama sekali dalam pengurusan kewarganegaraan di negara ini.”
16. **PR-1131-U3411**
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-
- “Bahawa Dewan ini hendaklah membincang dan membuat ketetapan meminta Kerajaan menyiasat secara terperinci bagaimana penduduk Sabah telah meningkat secara mendadak dalam tempoh tiga dekad dan kini sudah jauh mengatasi bilangan penduduk Sarawak sedangkan dalam tahun enam puluhan penduduk Sabah jauh lebih rendah berbanding Sarawak. Penyiasatan ini amat penting demi mengembalikan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap integriti dan kredibiliti pengurusan kewarganegaraan Malaysia.”

17. **PR-1131-U3412**
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-
- “Dewan ini hendaklah membincangkan dan seterusnya membuat ketetapan bagaimana Kerajaan sebaik mungkin melaksanakan program-program pembangunan wilayah seperti mewujudkan Kawasan Pertumbuhan Baru (New Growth Centre) di negeri-negeri kurang maju terutama sekali Sabah. Adalah amat penting Dewan ini membincang dan membuat ketetapan bagaimana sistem penyampaian Kerajaan bermula daripada Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan negeri dan sampailah ke Pihak Berkuasa Tempatan sebagai strategi utama ke arah membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar di dalam RMK-9 kelak.”
18. **PR-1131-U3413**
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-
- “Bahawa Dewan ini memandang berat tentang permasalahan serta kesulitan yang dihadapi 777 guru-guru daripada Sabah ke Johor dan Selangor terutama sekali guru-guru yang telah dihantar ke Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kerana sekolah-sekolah ini tidak mempunyai kemudahan seperti rumah guru.”
19. **PR-1131-U3414**
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-
- “Bahawa Dewan ini membuat perakuan dan ketetapan bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak tertentu untuk memberi kewarganegaraan kepada pelarian Filipina di Sabah adalah bertentangan dengan kehendak Akta Imigresen 1959 iaitu hanya permohonan yang mempunyai Valid Entry Point ke negara ini yang boleh diproses permohonan kewarganegaraannya.”
20. **PR-1131-U3415**
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-
- “Bahawa Dewan ini hendaklah membincangkan dan membuat ketetapan tentang masa depan lebih 1000 kampung di Sabah di mana kecerunan perkampungannya melebihi 25 darjah dan dikatakan tidak sesuai untuk pertanian dan seterusnya permohonan geran tanah tidak boleh dikeluarkan. Dasar ini sudah pasti akan menghambat pembelaan Kerajaan terhadap penduduk yang terlibat termasuklah untuk melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan.”

21. **PR-1131-U3542**

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mendesak supaya hasil pendapatan bagi Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau Goods and Services Tax (GST) yang akan dikuatkuasakan pada tahun 2007 dipertimbangkan untuk dibahagi-bahagikan hasilnya kepada negeri-negeri mengikut kutipan hasil dari negeri-negeri berkenaan. Dengan adanya pembahagian hasil cukai itu maka sudah tentunya negeri-negeri tersebut dapat merancang dan menentukan peruntukan ini melalui Kerajaan tempatan masing-masing.”

22. **PR-1131-U3546**

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mendesak supaya semua kelulusan untuk pengeluaran kad pengenalan yang menggunakan surat akuan dan kes-kes yang didapati ada keraguan tentang pengeluarannya disiasat oleh satu badan penyiasat yang dilantik oleh YAB. Perdana Menteri. Dan mengambil tindakan serius terhadap penjenayah-penjenayah yang memalsu, melulus dan mengeluarkan kad pengenalan kepada sesiapa yang sepatutnya tidak layak memiliki Kad Pengenalan Malaysia. Dan mengambil perhatian serius kepada pemilikan Kad Pengenalan Malaysia agar sesiapa yang sabit kesalahan dikenakan hukuman sebagai Pengkhianat Negara.”

23. **PR-1131-U3552**

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini memandang serius terhadap penggunaan bahan kimia perosak pertanian seperti racun rumput, racun serangga dan racun binatang agar penggunaan bahan ini dapat dipantau dengan telitinya dan setiap hasil pengeluaran pertanian yang telah menggunakan bahan kimia ini diperiksa dan diberi sijil selamat untuk dimakan. Dan Dewan ini menggesa Kementerian Pertanian supaya memastikan setiap pembelian dan penggunaan bahan kimia perosak pertanian didaftar oleh pihak berkenaan agar para pengguna tidak sewenang-wenangnya menggunakannya sehingga boleh mencemarkan udara, tumbuh-tumbuhan dan memudaratkan kesihatan makhluk yang hidup.”

24. **PR-1131-U3666**

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa oleh kerana dorongan perlumbaan dan persaingan perniagaan, para pembekal gas dapur telah mengorak langkah untuk menjual bekalan gas mereka ke kawasan perumahan dan kampung-kampung dengan menggunakan lori-lori kecil dan kaedah jualan mereka adalah dengan menggunakan hon kereta mereka. Dan mengambil maklum bahawa kaedah menyembunyi hon mereka, mereka telah melakukan satu perbuatan pencemaran bunyi

selain daripada gangguan kepada masyarakat setempat. Dan mengambil maklum juga bahawa dengan gangguan bunyi ini, mereka boleh mengejutkan bayi-bayi yang sedang tidur dan mereka yang kurang sihat terutama sekali penghidap penyakit darah tinggi. Keadaan ini tentu sekali akan menyulitkan masyarakat sekiranya gangguan bunyi ini membuat seseorang itu terkejut dan mendapat serangan jantung misalnya. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan bahawa satu legislasi haruslah digubal atau menguatkuasakan legislasi atau peraturan yang sedia ada, supaya para pembekal gas dapur ini tidak mendatangkan sebarang gangguan kepada masyarakat.”

25. **PR-1131-U3667**
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, tahap pegangan ekuiti masyarakat bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak dalam sektor perniagaan dan industri amatlah rendah berbanding dengan 30% sasaran dasar ekonomi baru. Dan mengambil maklum bahawa dasar Kerajaan yang sedia ada mengenai dengan pemilikan ekuiti 30% dari kalangan masyarakat bumiputera belum lagi dipanjangkan sepenuhnya ke negeri Sabah dan Sarawak. Dan mengambil maklum juga bahawa agensi-agensi Kerajaan seperti MARA dapat memainkan peranan yang lebih efektif dalam memastikan penyertaan masyarakat minoriti Sabah dan Sarawak dalam bidang perniagaan dan perindustrian dapat ditingkatkan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan bahawa satu rangka kerja, diwujudkan khas bagi menangani ketidakseimbangan pegangan ekuiti masyarakat bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak berbanding dengan rakan mereka di Semenanjung.”

26. **PR-1131-U3668**
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa negara sedang dihantui oleh masalah penagihan dadah yang serius di mana setiap hari kita mengesan ramai muda mudi kita terjebak dalam penagihan najis dadah dan tidak kurang juga penagih tegar. Dan mengambil maklum bahawa masa depan negara akan tercemar dan modal insan negara akan runtuh sekiranya masalah penagihan dadah tidak dibendung dengan cara yang efektif dan menyeluruh. Dan mengambil maklum juga bahawa kebanyakan program dan usaha Kerajaan melalui kempen-kempen anti dadah didapati kurang efektif sama ada dari segi perundangan dan penguatkuasaan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan bagi memperkenalkan kempen anti dadah yang lebih efektif. Ini boleh dilakukan dengan penyertaan orang ramai secara sukarela. Kempen rumah ke rumah hendaklah dijalankan di mana setiap isi rumah dengan sukarela menjalani ujian dadah dan pihak berkuasa mengeluarkan sijil bebas dadah kepada mereka yang bebas dari dadah, sementara rumah yang bebas daripada dadah pula diberikan sijil rumah bebas dadah.”

27. **PR-1131-U3837**
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
“Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang.”
28. **PR-1131-U3839**
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
“Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan.”
29. **PR-1131-U3841**
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
“Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar.”
30. **PR-1131-U3842**
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
“Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama.”
31. **PR-1131-U3844**
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
“Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC).”
32. **PR-1131-U3926**
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-
“Bahawa Dewan ini mengutuk sekeras-kerasnya tindakan biadap media negara-negara Barat dan juga beberapa akhbar di negara ini yang menyiarkan karikatur yang menghina Nabi Muhammad SAW. Dewan ini tidak boleh menerima kebebasan individu sebagai asas untuk menghina

agama dan Dewan ini menganggap perbuatan terkutuk media-media tersebut satu-satu pencabulan terhadap hak awam umat Islam.”

33. **PR-1131-U3927**
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengutuk perbuatan 9 orang Menteri Kabinet yang menghantar memorandum kepada YAB. Perdana Menteri dalam isu Perkara 121 (1A), walaupun memorandum itu telah ditarik balik. Perbuatan seperti ini adalah sangat biadap dilakukan oleh kumpulan anggota Kerajaan terhadap Ketua Kerajaan. Perbuatan Menteri meluahkan rasa tidak puas hati terhadap Kerajaan di luar mesyuarat Kabinet adalah bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan. Dewan ini melihat tindakan 9 Menteri ini bukan sahaja satu penghinaan terhadap Ketua Kerajaan, tetapi satu percubaan untuk memprovokasi isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan perbalahan berasaskan kaum dan agama. Dewan ini juga mendesak Ketua Kerajaan supaya mengabaikan semua tuntutan 9 Menteri tersebut dan mengambil langkah memperkasakan Mahkamah Syariah di negara ini bagi mengelakkan berulangnya tindakan biadab tersebut. Dewan ini juga mendesak Menteri-menteri berkenaan meletakkan jawatan kerana gagal mengambil tanggungjawab bersama seperti ditetapkan oleh Perkara 43 (3) Perlembagaan Persekutuan. Jika mereka enggan berbuat demikian, Dewan ini mendesak YAB. Perdana Menteri menggunakan kuasa di bawah Perkara 43(5) untuk memecat mereka.”

34. **PR-1131-U3928**
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mendesak Malaysia sebagai Pengerusi OIC supaya mengambil tindakan memanggil Persidangan Tergempar OIC bagi membincangkan isu penghinaan terhadap Nabi Muhammad (SAW) dan mengambil ketetapan-ketetapan yang perlu bagi menangani isu tersebut.”

35. **PR-1131-U3929**
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan kuasa besar dunia yang cuba melakukan sekatan ekonomi ke atas Iran bagi menghalang negara tersebut menguraikan uranium bagi tujuan tenaga. Perbuatan kuasa besar dunia mahu menentukan dasar negara lain adalah bertentangan dengan prinsip kebebasan dan kedaulatan negara merdeka. Dewan ini mendesak Iran memberi kerjasama kepada Badan Penyiasatan Antarabangsa bagi mengesahkan bahawa projek nuklearnya tidak bertujuan untuk membina senjata nuklear. Dewan ini juga mendesak Malaysia sebagai Pengerusi OIC supaya menyokong pembangunan teknologi nuklear bagi tujuan

tenaga di negara anggotanya, Iran serta memberikan tekanan kepada Barat supaya tidak mengenakan sekatan terhadap Iran.”

36. **PR-1131-U3930**
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan mendedahkan kepada awam laporan awal kajian oleh syarikat perunding, Halcrow Group Limited tentang keretakan MRR2. Dewan ini berpandangan laporan itu sangat mustahak didedahkan kepada awam untuk tujuan ketelusan pentadbiran kerajaan. Dewan ini juga mengutuk kegagalan Menteri Kerja Raya dalam menyelenggarakan pembaikpulihan keretakan tersebut sehingga ia terpaksa diarahkan tutup untuk kali kedua oleh YAB. Perdana Menteri. Tindakan berdolak dalih Menteri Kerja Raya telah menjejaskan keselamatan pengguna MRR2 selain menggalakkan penyelewengan dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan.”

37. **PR-1131-U3931**
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Singapura yang meletakkan syarat menjual pasir dan membenarkan penggunaan ruang udara sebagai tukaran untuk membolehkan jambatan baru dibina menggantikan Tambak Johor. Dewan ini turut mendesak Kerajaan supaya menolak syarat Singapura itu kerana ia begitu jelas mencabul kedaulatan negara ini.”

38. **PR-1131-U4137**
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil satu ketepatan memandangkan kemerosotan situasi yang mungkin mengakibatkan suatu perang sivil berlaku di Sri Lanka dan Kementerian Luar Negeri harus mengambil tindakan yang sewajarnya dalam membawa kesemua pihak ke suatu pendamaian politik yang berkekalan.”

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.103	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tembakau Negara (LTN) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	3 Mei 2006
ST.104	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	3 Mei 2006